

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Wednesday, April 4, 2018 8:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: "Nature Walk" ke Pusat Pengumpulan Ikan Air Tawar



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

4 APRIL 2018 / 17 REJAB 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)


"Nature Walk" ke Pusat Pengumpulan Ikan Air Tawar di Empangan Ulu Muda, Sik

Sambil menikmati udara pagi yang menyegarkan, seramai 36 orang pemimpin persatuan di bawah College of Arts and Science (CAS) telah berjalan sejauh 3.7km dari Muda Resort ke Jeti Pusat Pengumpulan Ikan Air Tawar di Empangan Ulu Muda, Sik. Kesemua pelajar-pelajar ini merupakan peserta Kem Kepimpinan Organisasi yang telah diadakan pada 8 hingga 10 Mac 2018 di Muda Resort, Sik, Kedah yang lepas. Selain untuk menghargai keindahan alam ciptaan tuhan, lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan keusahawanan kepada peserta tentang selok belik penangkapan dan penjualan ikan air tawar.



Jeti ini merupakan pusat pengumpulan ikan air tawar bagi para nelayan di Tasik Muda. Mengikut yang diceritakan, para nelayan akan keluar ke tasik pada awal pagi dan akan pulang pada jam 10.00-11.00 pagi. Para pemborong dan peminat ikan air tawar biasanya akan datang ke jeti untuk mendapatkan hasil tangkapan yang masih segar. Selain di sebelah pagi, ikan juga akan hasil tangkapan juga dikumpulkan pada sebelah petang pada jam 5.30-6.30 petang. Antara ikan yang dijual di jeti tersebut ialah talapia, baung, lampam, kelah, dan

udang galah dengan harga yang berpatutan. Yang pastinya, semua masih dalam keadaan segar dan ada yang masih hidup.



Sebelum tiba ke jeti, para peserta melalui satu kawasan bersejarah di mana terhempasnya helikopter askar Tanah Melayu satu ketika dahulu ketika melawan pengganas komunis. Di dalam peristiwa tersebut telah menyaksikan beberapa perajurit Tanah Melayu telah terkorban. Pihak kerajaan telah membina papan tanda kenangan 'Korban Bakti' di atas bukit tempat terhempasnya helikopter tersebut. Mengikut sejarah kawasan Gubir, Sik sehingga ke Sintok merupakan kawasan hitam yang menjadi kawasan pesembunyian komunis satu kita dahulu. Sebelum meneruskan perjalanan, kesemua peserta menghadihkan doa dan al-fatihah kepada semua perajurit yang telah terkorban dan semua yang mempertahankan keamanan di bumi Malaysia.



Selepas selesai berjalan, semua para peserta berkelah sarapan pagi sambil menikmati keindahan matahari terbit di tepi jeti Tasik Muda ini.

Sekian

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
OF MBAs
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.